

Kajian j-kuasa khas

Sistem baru R-Tetangga diumumkan tak lama lagi

KUALA LUMPUR, Selasa — Sistem baru pentadbiran, susunan dan tanggungjawab sektor-sektor Rukun Tetangga akan diumumkan tidak lama lagi.

Kajian mendalam dan butir-butir lanjut mengenai perubahan itu sedang dirumuskan oleh sebuah jawatankuasa khas dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman.

Lain-lain anggota termasuk wakil-wakil Polis, Majlis Keselamatan Negara, Peguam Negara dan lain-lain badan yang berkaitan.

Menteri Tak Bertepotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nasir memberitahu hari ini, laporan lengkap jawatankuasa itu kelak akan dikemukakan kepada Kabinet.

Membubarkan

Datuk Haji Mohamed Nasir berkata, di bawah sistem baru itu, kerajaan mungkin membubarkan sektor-sektor Rukun Tetangga yang difikirkan tidak

perlu memandangkan kawasan terlibat telah mencapai taraf perpaduan yang tinggi dan bebas dari ancaman jenayah.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, undang-undang di bawah Ordinan Darurat (kuasa-kuasa perlu), peraturan-peraturan perlu (Rukun Tetangga) 1975, terus berjalan.

Ahli-ahli sektor berkenaan boleh dipanggil bila-bila masa jika diperlukan.

Menteri itu berkata, langkah itu mungkin difikirkan perlu untuk mengelakkan pembaziran.

Pembaziran boleh ditakrifkan sebagai masa yang digunakan untuk berkawal, cuti yang diberikan di mana sebaliknya masa itu boleh digunakan di pejabat-pejabat serta kos perbelanjaan di tiap-tiap sektor berkenaan.

Bellau berkata, kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit setahun untuk tujuan tersebut.

Menurutnya, di bawah sistem baru itu juga, kerajaan akan memastikan perjalanan pentadbiran Rukun Tetangga bertambah licin sejajar dengan hasrat kerajaan mewujudkan satu masyarakat bersatupadu.

Datuk Haji Mohamed Nasir terdahulu dari itu menyampaikan amanat penting Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara supaya meningkatkan prestasi mereka.

Menurut beliau, adalah menjadi hasrat Kabinet Perdana Menteri yang baru supaya kakitangan kerajaan menitikberatkan kewajipan dan tanggungjawab dalam tugas membina negara.

Membazir

Tugas kakitangan kerajaan masa ini berbeza dengan zaman penjajah, katanya.

Datuk Haji Mohamed Nasir juga mengingatkan kakitangan, jangan membazirkan peralatan dan kemudahan yang disediakan di pejabat.

Ini termasuk kertas tulis, fail, kuasa elektrik dan lain-lain.

Menurutnya lagi, kerajaan dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit sekiranya barang-barang itu dapat diijamatkan.

Bellau juga memberi amaran kepada kakitangan yang tidak menjalankan tugas, tindakan disiplin akan diambil sekiranya prestasi mereka tidak memuaskan.

Ini termasuklah mereka yang datang lambat ke pejabat dan tidak mempedulikan perintah pegawai atasan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia